

BAB TUJUH

KEANGGOTAAN DALAM BADAN PERUNDANGAN BAGI NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

Badan perundangan bagi setiap negeri di seluruh Malaysia hanya mempunyai satu dewan (*unicameral*) sahaja. Ianya diistilahkan sebagai Dewan Undangan Negeri. Bagi negeri-negeri yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja keanggotaan dalam Badan perundangan bagi negeri-negeri tersebut adalah terdiri daripada Raja atau Duli Yang Maha Mulia Sultan negeri itu dan sebuah Dewan (*House*) yang dipanggil Dewan Undangan Negeri (*State's Legislative Assembly*).¹

Manakala keanggotaan dalam badan perundangan bagi negeri-negeri yang tidak mengamalkan sistem pemerintahan beraja pula adalah terdiri dari Yang Dipertua Negeri dan satu Dewan yang dinamakan Dewan Undangan Negeri.² Oleh itu perbahasan tentang keanggotaan dalam badan perundangan bagi negeri-negeri di Malaysia bolehlah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu penglibatan institusi Raja atau Sultan, Yang Dipertua Negeri dan Anggota Dewan Undangan Negeri yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya di setiap buah negeri. Perbahasannya adalah seperti berikut:

7.1. Kedudukan Raja-raja Dalam Badan Perundangan

Terdapat sembilan buah negeri di Malaysia yang menganggap Raja negeri masing-masing adalah pemimpin yang terlibat dalam badan perundangan negeri. Buktinya ialah terdapat peruntukan khusus yang menegaskan demikian di dalam semua perlombagaan negeri-negeri tersebut. Sembilan buah negeri yang dimaksudkan itu ialah negeri Perlis,³ Kedah,⁴ Kelantan,⁵ Terengganu,⁶ Pahang,⁷ Perak,⁸ Selangor,⁹ Negeri Sembilan¹⁰ dan Johor.¹¹

Peranan Raja dalam badan perundangan sesebuah negeri adalah diakui dijamin oleh Perlombagaan Persekutuan. Perkara 181 Perlombagaan Persekutuan menjelaskan:

"Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlombagaan ini, kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Raja-raja dan hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang adalah tetap tidak tersentuh".¹²

Perakuan dan jaminan Perlombagaan Persekutuan terhadap kedudukan, kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Raja-raja Melayu itu membolehkan kuasa dan pengaruh Raja-raja Melayu dalam badan perundangan tetap ada dan berkekalan sehingga sekarang. Penglibatan Raja dalam proses penggubalan undang-undang di dalam negeri dan wilayah masing-masing sebagaimana yang telah ada sejak dahulu hingga sekarang tetap tidak disentuh. Raja boleh berbuat demikian berlandaskan ketetapan yang dibenarkan oleh Perlombagaan Persekutuan dan Perlombagaan negeri masing-masing.

Istimewanya Raja-raja di setiap negeri ialah Baginda mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam negerinya sendiri.¹³ Raja-raja berkuasa mengeluarkan arahan dan memanggil Dewan undangan Negeri untuk bermesyuarat dari masa ke semasa. Dewan Undangan negeri tidak boleh dibiarkan selama enam bulan tanpa apa-apa mesyuarat.¹⁴ Raja juga mempunyai kuasa untuk memberhenti atau membubarkan Dewan Undangan Negeri.¹⁵ Selain itu Baginda Raja-raja boleh memberikan ucapan di dalam persidangan Dewan Undangan bagi negeri masing-masing. Sekiranya Raja-raja tidak dapat hadir Baginda boleh mengutuskan titah perintah atau ucapan masing-masing ke Dewan tersebut.¹⁶

Perlembagaan Persekutuan juga mensyaratkan kepada semua negeri-negeri yang mempunyai Raja agar segala undang-undang yang telah diluluskan di peringkat Dewan Undangan Negeri mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan Raja di negeri masing-masing sebelum ianya dikuatkuasakan. Peruntukan tersebut telah disenaraikan di dalam Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan, dan diisytiharkan sebagai salah satu dari peruntukan-peruntukan yang dimasukkan ke dalam Perlembagaan negeri-negeri. Sehingga kini semua negeri-negeri yang mengamalkan sistem pemerintahan Raja berlembagaan telahpun memasukkan peruntukan tersebut kedalam perlembagaan negeri masing-masing. Peruntukan itu menegaskan:

"Kuasa bagi badan perundangan membuat undang-undang hendaklah dijalankan dengan Rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri dan dipersetujui oleh Raja".¹⁷

Oleh itu bagi semua negeri yang ada Raja, semua Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri hendaklah terlebih dahulu dipersetujui oleh Raja sebelum ianya diisyihar dan dikuatkuasakan. Sesuatu Rang Undang-undang adalah secara rasmi akan menjadi undang-undang apabila ia diperkenankan oleh Raja dan ia dinamakan sebagai Enakmen (*Enactment*) Undang-Undang Negeri.¹⁸

Sistem pemerintahan Persekutuan yang diamalkan di Malaysia sejak tahun 1948 hingga kini juga tidak menggugat kedudukan dan kuasa Raja-raja Melayu. Bahkan sistem Persekutuan yang diamalkan oleh negara Malaysia menjamin kedudukan dan hak Raja-raja Melayu dalam badan perundangan di negeri masing-masing. Tentang ini Perlembagaan Persekutuan menjelaskan:

*"Persekutuan adalah menjamin hak Raja sesuatu negeri untuk mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan Raja negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu; akan tetapi apa-apa pertikaian tentang hak untuk mewarisi sebagai Raja mana-mana Negeri hendaklah diputuskan hanya oleh mana-mana pihak berkuasa dan hanya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negeri itu."*¹⁹

Ungkapan, "...keistimewaan-keistimewaan Raja negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu" di atas jelas menggambarkan bahawa kebanyakan peraturan dan undang-undang mengenai Raja dan institusi Perajaan setiap negeri hendaklah dirujuk kepada Perlembagaan negeri masing-masing. Contohnya hak istimewa Raja-raja untuk mewarisi takhta dan memegang kuasa dalam sebuah negeri adalah bergantung kepada ketetapan yang dibuat dalam perlembagaan negeri masing-masing. Begitu juga penglibatan Baginda dalam sistem pemerintahan dan perundangan negeri.

Perlembagaan beberapa buah negeri tetap menganggap Raja negeri masing-masing mempunyai kedaulatan dan kehebatan dalam negerinya, dan kedaulatan tersebut juga dianggap telah sebatи dalam tubuh badan Raja yang memerintah.²⁰ Raja juga dianggap sebagai pancuran kemuliaan, pancuran keadilan, pancuran rahmat, kepala agama negeri, pengawal adat-adat Melayu dan tuan tanah yang sebenar.²¹ Dalam perlembagaan setiap negeri ada beberapa peruntukan yang berkaitan dengan Raja dan institusi Perajaan yang tidak boleh disentuh atau dipinda oleh badan perundangan negeri. Perlembagaan Persekutuan ada menjelaskan:

"Peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengan mewarisi takhta Kerajaan dan dan kedudukan Pembesar-pembesar Memerintah dan pembesar-pembesar adat Melayu yang seumpamanya tidak boleh dipinda oleh Badan Perundangan Negeri".²²

Di antara peruntukan-peruntukan yang tidak boleh dipinda oleh Dewan Undangan Negeri ialah syarat-syarat yang berkaitan dengan menduduki takhta sebagai Raja dan bakal Raja yang akan menaiki takhta. Termasuk juga perkara-perkara yang ada hubungan dengan membuang, mengundur diri atau turun takhta seseorang Raja, bakal Raja atau bakal-bakal Raja. Begitu juga perkara-perkara yang berkaitan dengan isteri Raja, pemangku Raja atau ahli-ahli majlis pemangku Raja, peraturan balai-balai dan Istana Diraja. Perkara-perkara lain yang termasuk di dalam perkara yang tidak boleh dipertikaikan oleh Dewan Undangan Negeri ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan mengadakan pangkat-pangkat kebesaran mengikut adat-adat Melayu. Ini termasuklah menubuh, mengatur, menetap dan melucutkan pangkat-pangkat mengikut adat Melayu yang ada hubungan dengan gelaran, kehormatan,

kebesaran-kebesaran dan kurniaan-kurniaan serta segala ketetapan yang berkenaan dengan orang yang layak untuk mendapatnya. Begitu juga mengenai institusi-institusi yang ditubuhkan untuk membantu Raja, kewajipan Raja sebagai ketua agama negeri serta ahli-ahli Majlis agama Islam dan adat istiadat Melayu.²³

Semua isi perlembagaan negeri yang ada hubungan dengan institusi dan diri Raja sebagaimana yang dijelaskan di atas hanya boleh dipinda oleh Baginda Raja setelah berbincang dengan sesebuah institusi yang menjadi penasihat kepada Baginda. Ianya tidak boleh dipinda dengan sebarang cara yang lain. Setiap Negeri mempunyai badan khas atau Majlis masing-masing yang berfungsi sebagai penasihat, penolong Raja, menguruskan dan membantu Raja masing-masing dalam menjalankan kewajipan Baginda Raja. Di negeri Johor, Terengganu dan Pahang ianya dinamakan Juma'ah Pangkuhan Negeri. Dalam bahasa Inggeris ia diistilahkan sebagai *Supporters of the Country*²⁴ dinegeri Johor dan *The Supporters of the state* bagi negeri Terengganu²⁵ dan Pahang.²⁶ Di Perak ia dinamakan sebagai Dewan Negara.²⁷ Di Kedah dan Perlis dinamakan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja (*Council of Succession*).²⁸ Di Kelantan ianya dinamakan Majlis Perajaan Negeri (*Council of Succession*).²⁹ Di Selangor dinamakan Dewan Diraja.³⁰ Di Negeri Sembilan dinamakan Dewan Ke'adilan dan Undang (*The Council of The Yang Dipertuan Besar And The Ruling Chiefs*).³¹

Raja-raja di tujuh buah negeri di Malaysia dikenali sebagai Sultan, kecuali di negeri Perlis Baginda dikenali sebagai Raja³² dan di Negeri Sembilan baginda bergelar Yang di-Pertuan Besar.³³ Raja-raja tersebut merupakan waris dan

keturunan dari keluarga Raja-raja yang terdahulu yang pernah memerintah bagi di setiap negeri masing-masing, kecuali jika sekiranya zuriat (keturunan) Raja tersebut tidak ada.³⁴ Syarat-syarat untuk menjadi Raja bagi semua negeri-negeri di Malaysia mestilah seorang lelaki yang berbangsa Melayu dan beragama Islam.³⁵ Perlembagaan negeri-negeri Perlis, Kedah dan Kelantan secara jelas menyebutkan Rajanya mestilah dari kalangan seorang lelaki Islam yang bermazhab *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah*,³⁶ manakala di Perak pula Raja mestilah bermazhab *Syāfi'i*.³⁷

Secara umumnya keseluruhan raja-raja di Malaysia kini dilantik berdasarkan zuriat dan keturunan raja-raja yang sebelumnya. Ketetapan sedemikian secara umumnya telah termaktub di dalam perlembagaan negeri masing-masing. Mengikut aturan biasa di semua negeri, apabila seseorang Raja atau Sultan mangkat, Baginda akan digantikan oleh anakanda baginda yang sulung yang masih hidup. Amalan sedemikian merupakan amalan tradisi yang diamalkan secara turun temurun sejak dahulu sampai sekarang. Ia bukannya suatu amalan yang bersumberkan ajaran Islam tetapi lebih merupakan undang-undang adat atau amalan tradisional yang telah dimasukkan ke dalam perlembagaan negeri-negeri. Begitu juga sesetengah negeri membenarkan seseorang yang belum cukup umur untuk dilantik sebagai Raja secara sah dan dia tidak digolongkan ke dalam golongan orang-orang yang ada kecacatan yang besar.³⁸

Seseorang itu tidak layak dan tidak boleh dilantik sebagai Raja jika sekiranya dia mempunyai sesuatu cacat yang besar dan berat yang tidak melayakkannya menjadi Raja seperti gila, buta, bisu atau mempunyai sesuatu sifat yang keji yang kerananya ia tidak diluluskan oleh hukum syarak menjadi seorang Raja pemerintah.³⁹ Syarat-syarat ini bersesuaian dengan konsep Islam dan peruntukan tersebut sebaik-baiknya dimasukkan atau dikekalkan dalam semua perlembagaan negeri-negeri di Malaysia.

Perlembagaan negeri-negeri di Malaysia membenarkan seseorang yang bukan keturunan Raja dilantik memegang takhta sebagai Raja. Namun demikian kebenaran tersebut boleh dilaksanakan setelah tidak ada langsung zuriat-zuriat Raja yang boleh menggantikan Baginda Raja. Selagi ada zuriat seseorang Raja zuriat tersebut diutamakan terlebih dahulu. Begitu juga orang biasa yang bukan keturunan Raja yang ingin dilantik menjadi Raja itu mestilah memenuhi beberapa syarat yang ketat. Sekurang-kurangnya orang tersebut mestilah seorang Lelaki yang cukup umur, sempurna akal, tidak ada apa-apa kecacatan yang besar, beragama Islam, berbangsa Melayu dan merupakan rakyat kepada Raja negeri yang berkenaan sebelum itu. Dia mestilah dari keturunan yang baik dan diakui telah diperanakkan dengan jalan yang halal, mampu membaca dan menulis dengan sendiri, bernama, berakal, bertabiat, berhati, berperangai, bertingkah laku yang baik dan terpuji.⁴⁰ Di Negeri Sembilan sifat-sifat pengganti kepada Yang di-Pertuan Besar yang tidak ada zuriat akan ditentukan oleh Undang Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Rembau.⁴¹ Peruntukan ini nampaknya banyak dipengaruhi oleh syarat-syarat perlantikan ketua negara mengikut perspektif Islam. Sebaik-baiknya syarat-syarat sedemikian dikenakan kepada semua calon-calon yang akan dilantik menjadi Raja atau Sultan.

Semua Raja-raja secara langsung menjadi Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing. Baginda boleh memerintahkan agar diadakan berbagai-bagai peraturan yang berkaitan dengan agama. Baginda ada kuasa memerintahkan agar setiap negeri menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam agar menjadi penasihat kepada Baginda terhadap perkara-perkara yang ada kaitannya dengan agama dan adat istiadat Melayu.⁴² Dalam menjalankan tindakan sebagai ketua agama negeri,

Baginda hendaklah mematuhi kehendak-kehendak Perlembagaan Persekutuan dan pada masa tertentu hendaklah menyerahkan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong bagi mewakilinya dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Sekiranya Baginda sendiri dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong, Baginda Raja tetap bertanggungjawab sebagai ketua agama bagi negeri masing-masing.⁴³

Keistimewaan dan kuasa seseorang Raja dalam sesebuah negeri adalah lebih besar berbanding dengan kuasa yang dimiliki oleh seseorang Yang Dipertua Negeri. Seseorang Raja boleh bertindak menurut budibicaranya untuk menjalankan berbagai-bagai tugas. Di antaranya ialah, baginda berkuasa melantik seorang Menteri Besar dan boleh mengikut budibicaranya tidak mempersetujui permintaan untuk membubar Dewan Negeri.⁴⁴ Selain itu Baginda boleh bertindak menurut budibicaranya meminta supaya dijalankan suatu mesyuarat Majlis Raja-raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja atau perbuatan, amalan atau upacara agama. Baginda juga boleh bertindak menurut budibicaranya untuk melaksanakan apa-apa tugas sebagai Ketua Agama Islam atau mengenai adat istiadat Melayu. Baginda juga berkuasa melantik waris atau waris-waris, Permaisuri atau Raja Perempuan, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja. Begitu juga Baginda boleh melantik orang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan tugas-tugas berkenaan dengannya. Begitu juga membuat peraturan-peraturan mengenai balai-balai diraja, istana-istana dan lain-lain.⁴⁵

7.2 Kedudukan Yang Dipertua Negeri

Di Malaysia terdapat empat buah negeri yang tidak mempunyai Raja atau Sultan. Ketua Negeri bagi negeri-negeri tersebut digelar sebagai Yang Dipertua Negeri. Empat buah negeri berkenaan ialah negeri Melaka,⁴⁶ Pulau Pinang,⁴⁷ Sabah⁴⁸ dan Sarawak.⁴⁹ Manakala badan perundangan bagi negeri-negeri tersebut pula melibatkan Yang Dipertua Negeri dan suatu Majlis yang dinamakan Dewan Undangan Negeri.⁵⁰ Begitu juga sebagaimana yang tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan, peranan Yang Dipertua Negeri adalah hampir sama dengan peranan Raja, iaitu mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam negerinya sendiri.⁵¹ Dengan ini kedudukan Yang Dipertua Negeri bagi Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak sebagai anggota badan perundangan adalah amat penting bagi tiap-tiap negeri masing-masing.

Peranan Yang Dipertua Negeri di setiap negeri ialah memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dari masa ke semasa.⁵² Mengikut ketetapan perlembagaan negeri masing-masing, seseorang Yang Dipertua Negeri tidak boleh membiarkan Dewan Negerinya tidak mengadakan mesyuarat selama tempoh enam bulan tanpa apa-apa sebab. Dalam Perlembagaan negeri-negeri ada disebutkan:

Yang Dipertua Negeri...tidak boleh membiarkan jarak enam bulan antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat pertamanya dalam penggal yang kemudiannya.⁵³

Yang Dipertua Negeri mempunyai kuasa untuk memberhenti atau membubarkan Dewan Negeri.⁵⁴ Beliau juga boleh bertindak menurut budibicaranya untuk melantik seorang Ketua Menteri dan bebas untuk tidak mempersetujui permintaan bagi membubarkan Dewan Undangan Negeri.⁵⁵ Yang Dipertua Negeri boleh memberikan ucapan di dalam Dewan Undangan bagi negeri masing-masing. Mereka boleh juga menghantar titah perintah atau ucapan masing-masing ke Dewan tersebut⁵⁶ untuk disampaikan kepada anggota Dewan Undangan Negeri.

Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, semua enakmen yang diluluskan oleh Dewan Negeri tersebut hendaklah terlebih dahulu dipersetujui oleh Yang Dipertua Negeri sebelum ianya dikuatkuasakan sebagai undang-undang.⁵⁷ Yang Dipertua Negeri hendaklah seboleh-bolehnya mempersetujui sesuatu Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Dewan Undangan Negeri kepada beliau dalam masa tiga puluh hari selepas ianya dikemukakan.⁵⁸ Jika sekiranya sesuatu Rang undang-undang yang dikemukakan kepada beliau itu masih tidak dipersetujui lagi selepas tempoh tiga puluh hari, maka Rang Undang-undang tersebut tetap akan menjadi suatu undang-undang secara sah. Dalam masalah ini hendaklah dianggap seolah-olah beliau telah mempersetujui Rang undang-undang tersebut untuk dilaksanakan.⁵⁹

Dewan Undangan Negeri boleh membuat peruntukan undang-undang bagi menghendaki seseorang Yang Dipertua Negeri untuk bertindak selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang selain daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam menjalankan mana-mana tugasnya selain daripada tugas-tugas yang boleh dilakukan menurut budibicaranya dan tugas-

tugas lain yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Negeri atau dalam Perlembagaan Persekutuan.⁶⁰ Setiap tahun (tiap-tiap tahun kewangan) Yang Dipertua Negeri hendaklah mengeluarkan arahan supaya dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri suatu penyata anggaran pendapatan dan perbelanjaan (Belanjawan Negeri) bagi negeri itu untuk tahun tersebut, penyata itu hendaklah dibentangkan sedemikian sebelum bermulanya sesuatu tahun.⁶¹

Tidak seperti Raja, Yang Dipertua Negeri tidak berhak menurut budibicaranya memegang tugas sebagai Ketua Agama Islam dan mengenai adat istiadat Melayu bagi negeri tersebut.⁶² Tugas tersebut adal dipegang oleh Yang di-Pertuan Agong.⁶³ Sementara Dewan Undangan Negeri pula dikehendaki membuat peraturan-peraturan dan menubuhkan suatu majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong tentang perkara-perkara yang ada hubungkaitnya dengan Agama Islam.⁶⁴

7.3 Anggota Dewan Undangan Negeri Dan Kelayakannya

Setiap negeri di Malaysia mempunyai satu dewan yang dinamakan Dewan Negeri (*Legislative Assembly*).⁶⁵ Kuasa Perundangan bagi sesebuah negeri adalah dipegang oleh badan perundangan atau Dewan Undangan Negeri tersebut.⁶⁶ Dewan itu dianggotai oleh beberapa orang ahli yang digelar sebagai Ahli-ahli atau Anggota Dewan Undangan Negeri (*The Members of the Legislative Assembly*).⁶⁷ Ahli Dewan Undangan Negeri (selepas ini disebut ADUN) merupakan beberapa orang ahli yang dipilih samada dalam Pilihanraya Umum atau Pilihanraya Kecil berlandaskan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan oleh badan perundangan melalui Perlembagaan Negeri masing-masing.⁶⁸

Jumlah ADUN yang boleh dipilih melalui pilihanraya adalah berbeza di antara sesebuah negeri dengan negeri yang lain. Bilangan mereka adalah berbeza-beza mengikut ketetapan yang telah diperuntukkan di dalam perlembagaan negeri masing-masing. Bilangan Ahli Dewan Undangan Negeri yang boleh dipilih melalui pilihanraya bagi seluruh negeri di Malaysia sekarang ialah, bagi negeri Perlis seramai lima belas orang,⁶⁹ Kedah tiga puluh enam orang,⁷⁰ Kelantan empat puluh tiga orang,⁷¹ Terengganu tiga puluh dua orang,⁷² Pahang tiga puluh lapan orang,⁷³ Pulau Pinang tiga puluh tiga orang,⁷⁴ Perak lima puluh dua orang,⁷⁵ Selangor empat puluh lapan orang,⁷⁶ Negeri Sembilan tiga puluh dua orang,⁷⁷ Johor empat puluh orang,⁷⁸ Melaka dua puluh lima orang,⁷⁹ Sabah empat puluh lapan orang,⁸⁰ dan Sarawak seramai lima puluh enam orang.⁸¹ Jumlah keseluruhan ADUN yang boleh dipilih melalui pilihanraya bagi seluruh Malaysia ialah seramai empat ratus sembilan puluh lapan orang.

Dari segi kelayakan, semua warganegara Malaysia yang sah, berumur dua puluh satu tahun atau ke atas⁸² dan bermastautin di dalam sesebuah negeri yang berkenaan adalah layak untuk dicalonkan sebagai ADUN di negeri tersebut.⁸³ Sebaliknya seseorang itu tidak boleh menjadi ADUN sekiranya beliau termasuk dalam golongan orang yang hilang kelayakan untuk menjadi anggota Dewan tersebut berdasarkan Jadual Kelapan dalam Perlembagaan Persekutuan.⁸⁴ Begitu juga seseorang tidak boleh menjadi ADUN jika beliau dikira hilang kelayakan mengikut Perlembagaan negeri masing-masing, atau mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan negeri berkenaan.

Berdasarkan peraturan yang dijelaskan di dalam Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan⁸⁵ dan juga perlembagaan setiap negeri, seseorang itu dikira tidak layak menjadi ADUN sekiranya beliau didapati secara sah tidak siuman atau telah diisyiharkan sebagai seorang yang tidak sempurna akalnya.⁸⁶ Begitu juga seseorang yang muflis atau diisyiharkan bangkrap mengikut undang-undang, dan belum terlepas dari kebangkrapannya tidak layak menjadi ADUN.⁸⁷ Seseorang yang ada memegang sesuatu jawatan yang berpendapatan atau bergaji juga tidak layak untuk dicalonkan sebagai ADUN.⁸⁸ Ini bermakna seseorang yang berkhidmat sebagai pegawai kerajaan di bawah badan pentadbiran negeri atau persekutuan (eksekutif) tidak layak untuk dilantik sebagai ADUN. Tetapi syarat ini dikecualikan terhadap Ketua Kaum Pribumi (*Native Chief*) di Sabah dan Sarawak serta Pemimpin Pembangunan Rakyat (*Rakyat Development Leader*) di Negeri Sabah.⁸⁹

Seseorang yang didapati melakukan kesalahan tidak menghantar kenyataan belanja pilihanraya juga tidak layak menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri. Maksudnya ialah seseorang yang telah dilantik sebagai calon dalam pilihanraya samada di peringkat Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, atau seseorang yang menjadi wakil calon kepada seseorang lain yang dilantik sedemikian, tetapi tidak menghantar kenyataan belanja-belanja pilihanraya sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang mengikut cara-cara dan dalam masa yang telah ditetapkan adalah dianggap bersalah.⁹⁰ Beliau dikira tidak layak untuk dilantik sebagai ADUN.

Namun demikian kehilangan kelayakan sebagaimana di atas boleh dibatalkan oleh Sultan atau Yang Dipertua Negeri dengan memberi keampunan kepada orang-orang yang bersalah itu. Sekiranya individu tersebut tidak mendapat keampunan dari Sultan atau Yang Dipertua Negeri maka kelayakannya sebagai ADUN dianggap hilang. Tempoh hilang kelayakan tersebut adalah selama lima tahun. Tempoh lima tahun itu dikira bermula dari tarikh beliau diarahkan supaya menghantar penyata perbelanjaan pilihanraya seperti mana dikehendaki oleh undang-undang.⁹¹

Seseorang yang telah didapati sabit melakukan kesalahan dan telah dijatuhkan hukuman penjara dalam tempoh yang tidak kurang dari satu tahun atau dikenakan bayaran denda yang tidak kurang dari dua ribu ringgit dan tidak mendapat ampuan juga tidak layak dilantik sebagai ADUN.⁹² Hukuman penjara dan denda yang dijadikan perkiraan itu hendaklah suatu keputusan yang telah dibuat oleh sesebuah mahkamah undang-undang dalam Persekutuan Tanah Melayu⁹³ Hilang kelayakan sebagaimana di atas juga boleh dibatalkan oleh Sultan atau Yang Dipertua Negeri dengan memberi keampunan kepada orang-orang yang bersalah itu. Jika mendapat keampunan dari Sultan atau Yang Dipertua Negeri, orang yang bersalah itu masih layak untuk menganggotai Dewan Undangan Negeri. Sebaliknya jika orang tersebut tidak mendapat keampunan dari Sultan atau Yang Dipertua Negeri, maka dia dianggap tidak layak menganggotai badan perundangan. Tempoh hilang-kelayakan tersebut ialah selama lima tahun, dan ia hendaklah dikira mulai dari tarikh beliau dibebaskan dari hukuman penjara⁹⁴ atau dari tarikh beliau dikehendaki membayar denda yang dikenakan itu.⁹⁵

Seseorang itu juga dianggap tidak layak menjadi anggota badan perundangan di peringkat negeri sekiranya beliau disabitkan bersalah dalam perbicaraan yang berkaitan dengan pilihanraya. Pensabitan kes tersebut juga hendaklah dibuat melalui perbicaraan mahkamah. Kesalahan yang dilakukan itu tidak kira samada kesalahan yang berkaitan dengan pilihanraya bagi mana-mana Majlis Parliment atau bagi Dewan Undangan Negeri.⁹⁶

Seseorang itu juga tidak layak menjadi anggota badan perundangan sekiranya beliau dengan sengaja menjadi warganegara asing di luar Persekutuan (Malaysia). Begitu juga sekiranya beliau menggunakan hak-hak kewarganegaraan asing atau membuat akuan taat setia kepada sesebuah negera asing selain dari negara Malaysia.⁹⁷ Sebaliknya jika semua perkara tersebut di atas berlaku semasa individu tersebut belum menjadi warganegara, kelayakannya tidak hilang.⁹⁸

Bagi individu yang sedang menjadi ADUN, sekiranya orang tersebut melakukan kesalahan yang dijatuhkan hukuman penjara satu tahun lebih, atau dikenakan bayaran denda melebihi dua ribu ringgit atau dianggap hilang kelayakan mengikut mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pilihanraya, beliau tidaklah dianggap hilang kelayakan dengan serta merta pada masa itu. Bahkan hilang kelayakan bagi dirinya itu adalah berkuatkuasa selepas empat belas hari beliau dijatuhkan hukuman tersebut.⁹⁹ Dalam tempoh empat belas hari selepas beliau dijatuhkan hukuman tersebut di atas beliau masih berpeluang untuk membuat rayuan. Begitu juga apa-apa prosiding mahkamah yang lain berkenaan dengan sabitan hukuman tersebut boleh dibawa. Pada masa itu beliau juga boleh membuat suatu petisyen untuk mendapatkan keampunan. ADUN itu boleh meneruskan

tugasnya jika kesalahan beliau diampunkan oleh Sultan atau Yang Dipertua Negeri. Sekiranya tidak mendapat keampunan dari Sultan atau Yang Dipertua Negeri, hilang kelayakan ke atas dirinya itu berkuatkuasa selepas tamatnya tempoh empat belas hari.¹⁰⁰

Sekiranya rayuan tersebut atau apa-apa prosiding mahkamah lain yang dibawa itu juga ditolak oleh mahkamah, maka hilanglah kelayakan untuk menjadi anggota badan perundangan negeri. Dalam kes ini hilang kelayakannya hendaklah berkuatkuasa setelah habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh rayuan atau prosiding mahkamah itu ditolak oleh mahkamah.¹⁰¹ Tempoh empat belas hari sebagaimana yang dijelaskan di atas hanya diberikan kepada mana-mana ADUN yang sedang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri sahaja. Sebaliknya peruntukan tersebut di atas adalah tidak terpakai kepada seseorang yang akan dicadangkan untuk menjadi anggota badan perundangan atau kepada calon-calon yang akan bertanding dalam pilihanraya untuk dilantik sebagai ADUN.¹⁰²

Perlembagaan Negeri Kelantan mempunyai peruntukan tambahan tentang hilang kelayakan bagi Ahli Dewan Undangan negeri tersebut. Perlembagaan Negeri Kelantan menjelaskan:

*If any member of the Legislative Assembly who is a member of a political party resigns or is expelled from, or for any reasons whatsoever ceases to be a member of such political party, he shall cease to be a member of the Legislative Assembly and his seat shall become Vacant.*¹⁰³

Berdasarkan petikan di atas seseorang ADUN Kelantan yang menjadi ahli dalam mana-mana pertubuhan parti politik akan hilang kelayakannya sebagai anggota

Dewan apabila beliau keluar dari parti tersebut. Keluar parti yang dimaksudkan tidak kira samada beliau secara sengaja keluar parti dengan meletakkan jawatannya atau dipecat dari menjadi ahli parti tersaebut. Begitu juga sekiranya beliau digugurkan keahliannya atau didapati tidak layak lagi menjadi ahli sesebuah parti politik dengan apa-apa sebab sekalipun. Pada masa itu beliau dianggap hilang kelayakannya dari menjadi ADUN dan kerusinya akan menjadi kosong. Perlombagaan tersebut juga menegaskan sekiranya timbul apa-apa kemusykilan tentang perkara tersebut, Dewan Undangan Negeri berkuasa memutuskan bahawa kerusi tersebut menjadi kosong dan keputusan yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri itu adalah muktamad. Keputusan tersebut tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun dan tidak boleh dipersoal atau didakwa dalam mana-mana mahkamah.

Di dalam perlombagaan tersebut tertulis:

"...the Legislative Assembly shall determine whether a seat has become vacant and the determination of the Assembly shall be final and shall not be questioned in any Court on any ground whatsoever."¹⁰⁴

Seseorang individu tidak dibenarkan oleh undang-undang untuk menjadi ADUN dengan cara mewakili lebih dari satu kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri dalam satu-satu masa. Ini bermakna apabila seseorang calon ADUN itu dilantik untuk mewakili mana-mana satu kawasan pilihanraya negeri dalam Malaysia dia tidak lagi dibenarkan menjadi ADUN bagi mana-mana kawasan lain.¹⁰⁵ Tetapi harus bagi seseorang itu menjadi ADUN dan anggota Parlimen dalam satu-satu masa. Ini bermakna ADUN boleh dicalonkan untuk dipilih menjadi anggota Parlimen, iaitu sebagai ahli Dewan Rakyat. Beliau tidak perlu meletakkan jawatan bahkan layak menjadi anggota bagi kedua-dua Dewan dalam masa yang

sama. Contohnya ialah seorang yang bernama Datuk Osu Sukam telah dilantik menjadi ADUN Sabah setelah beliau memenangi pilihan raya negeri Sabah bagi kawasan Kawang (N.18) pada 12 dan 13 haribulan Mac 1999.¹⁰⁶ Selepas itu beliau telah dicalonkan pula untuk menjadi anggota parlimen pada 20 haribulan November 1999 untuk mewakili kawasan Parlimen Papar (P.153),¹⁰⁷ pencalonannya diterima dan sah di sisi undang-undang. Seterusnya beliau dilantik sebagai anggota Parlimen Malaysia bagi mewakili kawasan Parlimen Papar setelah mencapai kemenangan dalam Pilihanraya Umum yang telah diadakan pada 29 haribulan November 1999.¹⁰⁸ Selepas itu beliau terus menjadi ADUN Sabah dan anggota Parlimen Malaysia dalam satu masa.

Sekiranya seseorang yang tidak layak dipilih juga untuk menjadi anggota badan perundangan dalam sesuatu pilihanraya, maka pelantikan tersebut adalah tidak sah dan pilihanraya yang telah diadakan itu hendaklah dianggap batal.¹⁰⁹ Begitu juga calon-calon yang akan menjadi anggota badan perundangan negeri mestilah dengan rela hati bersetuju untuk dilantik sebagai ADUN, kerana seseorang itu tidak boleh dinamakan dengan sahnya menjadi Anggota Dewan Undangan Negeri tanpa persetujuannya.¹¹⁰

Sekiranya mana-mana ADUN ingin berhenti atau meletakkan jawatannya beliau boleh berbuat demikian dengan mengutuskan surat yang ditandatangani sendiri kepada Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri masing-masing.¹¹¹ Jika seseorang anggota Dewan Undangan Negeri bertindak meletak jawatannya dari menjadi anggota Dewan bagi sesebuah negeri beliau adalah dikira

sudah hilang kelayakan untuk menjadi anggota Dewan Undangan Negeri bagi semua negeri-negeri di seluruh Malaysia. Tempoh hilang kelayakan tersebut ialah selama lima tahun bermula dari tarikh peletakan keahliannya itu berkuatkuasa.¹¹²

Kekosongan kerusi dalam Dewan Undangan Negeri juga boleh berlaku dengan berbagai-bagai sebab. Sebab yang biasa berlaku ialah kematian salah seorang anggota Dewan. Jika sekiranya seseorang anggota Dewan Undangan Negeri itu meninggal dunia maka tempatnya itu menjadi kosong.¹¹³ Pilihanraya boleh diadakan untuk memilih anggota yang baru. Begitu juga jika seseorang anggota Dewan Undangan Negeri telah disahkan hilang kelayakan dengan apa-apa sebab sekalipun maka kerusinya itu juga dikira berlaku kekosongan.¹¹⁴

Begitu juga sekiranya berlaku kekosongan luarjangka di kalangan ahli-ahli di dalam Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah terlebih dahulu mengesahkan bahawa kekosongan tersebut telah berlaku. Selepas itu kekosongan luarjangka itu hendaklah dipenuhi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu disahkan berlaku oleh suruhanjaya Pilihanraya. Seterusnya suatu pilihanraya hendaklah diadakan bagi kawasan yang terlibat. Walau bagaimana pun jika kekosongan luarjangka itu berlaku secara pasti pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Undangan sepatutnya terbubar atau dibubarkan maka kekosongan luarjangka itu tidak boleh diisi lagi. Oleh itu pilihanraya tidak perlu diadakan bagi kawasan yang terlibat, melainkan jika Yang Dipertua Dewan memaklumkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Undangan telah terjejas di sebabkan oleh kekosongan itu. Jika keadaan demikian berlaku, kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan tersebut diterima.¹¹⁵

7.4 Hak Dan Tanggungjawab Anggota Dewan Undangan Negeri

Sahnya segala perjalanan dalam semua Dewan Undangan Negeri di seluruh Malaysia ini tidak boleh dipertikaikan dalam mana-mana mahkamah.¹¹⁶ Setiap ADUN mempunyai hak untuk bercakap dan berbahas di dalam perjalanan Dewan Negeri. Kebebasan mereka untuk bercakap serta berbahas itu tidaklah boleh ditanya atau disoal di dalam mana-mana mahkamah di luar dari Dewan itu.¹¹⁷ Dengan hak yang diberikan itu yang ada itu tidak seorang pun di kalangan Ahli Dewan tersebut boleh dikenakan dakwa dalam apa-apa jua perbicaraan dalam mana-mana mahkamah tentang apa-apa jua yang diperkatakan di dalam Dewan. Mereka tidak boleh dibabitkan di dalam sebarang perbicaraan sivil atau jenayah, ditangkap, dipenjara, atau dikenakan tuntutan saman malu terhadap apa yang mereka kata dan yang harus mereka sebutkan di dalam Dewan tersebut.¹¹⁸

Anggota Dewan juga diberi hak untuk mengundi apabila mengambil bahagian dalam perjalanan mana-mana Dewan Negeri atau mana-mana jawatankuasanya.¹¹⁹ Begitu juga tiada seseorang pun boleh dikenakan dakwa dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa jua yang disiarkan di bawah kuasa mana-mana Dewan Negeri.¹²⁰ Ahli Dewan juga boleh memberikan pandangannya tentang Raja mana-mana negeri semasa mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding Dewan Undangan di mana-mana negeri atau mana-mana jawatankuasanya kecuali beliau dilarang daripada menganjurkan penghapusan kedudukan Raja itu sebagai Raja berpelembagaan Negeri itu.¹²¹

Dewan Undangan Negeri dan anggotanya mempunyai hak-hak serta beberapa keistimewaan tertentu di sisi undang-undang.¹²² Di antaranya Dewan Undangan Negeri berhak untuk menentukan kadar gaji dan elaun yang mesti dibayar oleh perbadanahaaraan Negeri kepada ahli-ahlinya. Oleh itu Ahli Dewan Undangan di setiap negeri boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan ADUN masing-masing.¹²³ Begitu juga Dewan Undangan Negeri berhak untuk membuat peraturan-peraturan mengenai acaranya sendiri. Dewan tersebut bolehlah dari masa ke semasa membuat, meminda dan membatalkan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perjalannya.¹²⁴ Namun demikian segala peraturan mengenai perjalanan Dewan tersebut hendaklah selaras dengan kehendak peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri masing-masing.¹²⁵

Walaupun ADUN mempunyai berbagai-bagai hak dan kebebasan mereka masih juga terikat dengan undang-undang dan peraturan menurut perlembagaan negeri masing-masing. Bagi memastikan ADUN itu mematuhi segala undang-undang dan peraturan Dewan serta memberikan taat setia sepenuhnya kepada Raja-Raja mereka dikehendaki berikrar dan mengangkat Sumpah Jawatan sebagai anggota Dewan. Semua perlembagaan negeri mengarahkan ADUNnya supaya mengangkat sumpah. Oleh itu setiap anggota Dewan Undangan Negeri hendaklah sebelum mengambil tempatnya mengangkat dan menandatangani di hadapan orang yang mengetuai persidangan Dewan itu (biasanya Yang Dipertua Dewan Negeri) suatu sumpah mengikut bentuk yang dinyatakan dalam perlembagaan negeri masing-masing.¹²⁶ Contoh sumpah sebagai ADUN ialah seperti berikut:

"Saya....., setelah dipilih sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri bagi negeri..... adalah dengan ini mengangkat sumpah (atau berikrar) dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri..... dan kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Negeri.....".¹²⁷

Setiap sumpah tersebut seboleh-bolehnya hendaklah ditambah dengan perkataan-perkataan yang akan menguatkan lagi persumpahannya itu mengikut kepercayaan agama masing-masing.¹²⁸ Jika sekiranya anggota Dewan Undangan Negeri itu adalah seorang rakyat Sultan bagi negerinya, beliau dikehendaki pula mengangkat sumpah dan menandatangani sumpah taat setia sebagaimana berikut:

"Adalah saya..... bersumpah bahawa saya sesungguhnya akan bertaat setia kepada Yang Maha Mulia dan gantinya mengikut undang-undang".¹²⁹

Tanggungjawab untuk Memanggil, memberhenti dan membubarkan Dewan Undangan Negeri adalah terserah kepada Raja dan Yang Dipertua Negeri.¹³⁰ Mengikut perlembagaan semua negeri-negeri, Dewan Undangan Negeri tidak boleh dibiarkan selama enam bulan tanpa apa-apa mesyuarat.¹³¹ Oleh itu jarak masa bagi persidangan pertama sesuatu penggal baru yang akan datang janganlah melebihi enam bulan dari tarikh terakhir persidangan yang sebelumnya. Sekiranya tidak dibubarkan terlebih dahulu, Dewan Undangan Negeri boleh terus berjalan dalam tempoh selama lima tahun yang dikira dari tarikh mesyuaratnya yang pertama. Selepas lima tahun itu ianya dikira terbubar dengan sendiri.¹³² Apabila Dewan Undangan Negeri dibubarkan suatu pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pembubarannya itu.¹³³

Seseorang ADUN juga bertanggungjawab untuk hadir mengikuti persidangan Dewan Undangan Negeri. Kehadiran mereka sangat penting terutama untuk mencukupkan bilangan (*quorum*) bagi meneruskan majlis mesyuarat. Sekiranya kehadiran dalam sesebuah Dewan Undangan Negeri itu tidak cukup bilangan (*quorum*), Dewan tersebut tidak boleh menjalankan apa-apa aktiviti melainkan menangguhkan persidangan tersebut. Bagi Dewan Undangan Negeri Terengganu dan Pahang perkiraan cukup bilangan (*quorum*) ialah kehadiran ahli Dewan mestilah tidak kurang dari lapan orang ahli. Lapan orang tersebut tidak termasuk Yang Dipertua Dewan atau ahli yang lain yang menjadi pengerusi.¹³⁴

Bagi negeri Perlis, Kedah, Perak, Johor dan Sabah bilangan cukup *quorum* ialah satu perempat daripada jumlah keseluruhan ADUN tersebut. Satu perempat yang hadir itu hendaklah selain daripada Yang Dipertua Dewan atau ahli yang lain yang menjadi pengerusi.¹³⁵ Bagi negeri Selangor dan Sarawak pula bilangan cukup *quorum* ialah satu pertiga daripada ahli-ahli Dewan itu mesti hadir. Bilangan satu pertiga itu juga tidak termasuk Yang Dipertua Dewan atau ahli yang lain yang menjadi pengerusi.¹³⁶ Manakala bagi negeri Kelantan dan Negeri Sembilan pula jumlah cukup *quorum* bagi persidangan ADUNnya ialah tidak kurang dari sepuluh orang ahli-ahlinya mesti hadir. Perkiraan sepuluh orang itu juga tidak termasuk Yang Dipertua Dewan atau ahli yang lain yang menjadi pengerusi Dewan.¹³⁷ Dewan Undangan Negeri boleh terus menjalankan urusannya walaupun ada sesuatu kekosongan dalam bilangan ahli-ahlinya atau ada ahli-ahli yang tidak hadir. Begitu juga jika didapati ada seseorang yang tidak berhak menjadi ahli, atau tidak berhak mengambil bahagian turut hadir dalam Dewan tersebut semasa ia menjalankan persidangannya, penyertaannya itu tidaklah membatalkan apa-apa perjalanan mesyuarat Dewan Undangan tersebut.¹³⁸

Terdapat juga peraturan di beberapa buah negeri yang memberi peluang kepada orang luar terlibat dalam persidangan Dewan Undangan Negeri walaupun orang itu tidak menjadi ahli Dewan. Contohnya ialah Perlembagaan Negeri Perak dan Melaka telah memberi peluang kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri untuk menjemput sesiapa sahaja menghadiri persidangan Dewan Undangan Negeri. Biasanya seseorang itu dijemput berdasarkan ada faedahnya orang tersebut hadir ke dalam Dewan. Contohnya ialah kehadiran Penasihat Undang-undang Negeri boleh membantu persidangan untuk mendapatkan nasihat tentang beberapa prosedur undang-undang. Orang yang dijemput itu berhak mengambil bahagian dalam perbincangan tentang perkara yang menyebabkan beliau dijemput. Walau bagaimanapun orang tersebut tidak ada hak untuk mengundi di dalam Dewan itu.¹³⁹

Mengikut peraturan yang ada jika seseorang ahli Dewan tidak mengambil tempatnya (*not taken his seat*) dalam masa tiga bulan dari tarikh Dewan Undangan Negeri bersidang bagi pertama kalinya selepas ia dipilih atau dalam masa yang lebih lama dari itu maka kerusinya itu akan dianggap menjadi kosong.¹⁴⁰ Begitu juga sekiranya seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri itu tidak menghadiri (*absence*) persidangan Dewan itu selama enam bulan tanpa kebenaran Dewan itu atau tanpa kebenaran Yang Dipertua Dewan, maka Dewan Undangan Negeri atau Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri boleh mengisyiharkan kerusinya menjadi kosong.¹⁴¹ Semua perlembagaan seluruh negeri di Malaysia menegaskan bahawa mana-mana ahli Dewan yang tidak hadir dalam persidangan Dewan Undangan Negeri tidak dibenarkan untuk mengundi.¹⁴²

Mengikut Perlembagaan Negeri Perlis dan Kedah, sekiranya mana-mana anggota Dewan Undangan Negeri tidak menghadiri persidangan Dewan itu sebanyak dua kali mesyuarat berturut-turut tanpa kebenaran dari Speaker Dewan kerusinya akan menjadi kosong.¹⁴³ Manakala Perlembagaan Negeri Sabah, Sarawak dan Johor menjelaskan ahli-ahli yang terlibat akan kehilangan kerusinya di dalam Dewan Undangan itu jika beliau tidak menghadiri persidangan Dewan itu sebanyak tiga kali mesyuarat berturut-turut tanpa kebenaran dari Yang Dipertua Dewan.¹⁴⁴ Walau bagaimanapun jika berlaku sebarang pertikaian tentang hilangnya kelayakan ahli Dewan Undangan sesebuah Negeri, seperti timbulnya keraguan untuk menentukan status keahlian seseorang samada gugur atau tidak, maka persoalan itu hendaklah diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri tersebut. Keputusan yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri tersebut adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan lagi.¹⁴⁵

Tanggungjawab utama anggota badan perundangan di setiap negeri ialah menggubal undang-undang. Undang-undang negeri boleh digubal dengan cara menyediakan Rang undang-undang yang kemudiannya dibahas dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri serta dipersetujui oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri tersebut.¹⁴⁶ Sesuatu Rang Undang-undang atau pindaan undang-undang negeri yang melibatkan perbelanjaan dari kumpulanwang Disatukan bagi sesebuah negeri itu, hanya boleh dikemukakan atau dicadangkan oleh seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan sahaja. Orang lain tidak layak untuk berbuat demikian.¹⁴⁷ Tiap-tiap Rang undang-undang selain dari undang-undang *private* hendaklah diisyiharkan dalam Warta Kerajaan bagi pengetahuan ramai sekurang-kurangnya empat belas hari terlebih dahulu daripada dikemukakan dalam Dewan Undangan Negeri.¹⁴⁸

Apabila sesuatu Rang undang-undang yang telah dikemukakan itu telah dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri, ianya hendaklah diserahkan kepada Raja atau Yang Dipertua Negeri itu untuk mendapat persetujuannya. Raja atau Yang Dipertua Negeri hendaklah memperkenankan undang-undang tersebut dalam masa tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-undang itu dikemukakan.¹⁴⁹ Sekiranya dalam masa tiga puluh hari, Raja atau Yang Dipertua Negeri masih belum memperkenankan atau tidak memperkenankan undang-undang yang dikemukakan itu, maka undang-undang tersebut boleh dianggap seolah-olah sudah diperkenankan oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri.¹⁵⁰ Selepas itu undang-undang itu dikira boleh menjadi undang-undang yang sah bagi negeri tersebut. Tetapi sebelum dikuatkuasakan undang-undang tersebut hendaklah disiarkan terlebih dahulu dalam Warta Kerajaan. Walau bagaimanapun peraturan supaya menyiarkan undang-undang tersebut terlebih dahulu tidaklah menyentuh kuasa badan perundangan bagi menangguhkan perjalanan kuatkuasa sesuatu undang-undang atau bagi membuat undang-undang dengan kuatkuasa kebelakangan.¹⁵¹

Undang-undang yang telah diluluskan oleh badan perundangan Negeri-negeri di seluruh Malaysia dinamakan Enakmen (*Enactment*).¹⁵² Perkataan membuat undang-undang tersebut dalam pengisytiharan sesuatu enakmen biasanya ia ditulis dengan perkataan: *Adalah dengan ini diperbuat undang-undang ini oleh padan perundangan Negeri...* Atau dalam bahasa Inggerisnya, *enacted by the Legislature of...*¹⁵³ Berasaskan kepada syarat-syarat fasil 152 Perlembagaan Persekutuan, bahasa rasmi yang digunakan di dalam persidangan Dewan Undangan

Negeri ialah Bahasa Melayu.¹⁵⁴ Walau bagaimana pun Bahasa Inggeris masih digunakan secara meluas dalam penggubalan undang-undang di Dewan Undangan Negeri. Setakat hari mengikut kehendak perlombagaan negeri-negeri serta amalan yang dijalankan di semua Dewan-Dewan Undangan Negeri naskah yang sahih bagi segala Rang Undang-undang yang hendak dikemukakan atau pindaan-pindaan mengenainya yang hendak dicadangkan di dalam Dewan Undangan Negeri. Segala enakmen negeri serta segala undang-undang tambahan yang yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri hendaklah ditulis dalam bahasa Inggeris. Satu naskhah rasmi juga hendaklah dicetak dan diisytharkan di dalam Warta Kerajaan¹⁵⁵

NOTA HUJUNG

¹ Lihat Seksyen 3, Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan.

² Lihat Seksyen 19A, Perlembagaan Persekutuan.

³ Article 46, State of Perlis, *The Laws of The Constitution of Perlis*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, t.t.

⁴ Article 44, State of Kedah, *The Laws of The Constitution of Kedah*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, t.t.

⁵ Article XXVIII, State of Kelantan, First Part, *The Constitution of The State of Kelantan*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, t.t.

⁶ Article XXVI, State of Trengganu, First Part, *The Laws of The Constitution of Trengganu*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, t.t.

⁷ Article 17, State of Pahang, Part II, *The Constitution of The State of Pahang*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, t.t.

⁸ Article XXVIII, State of Perak, Part I, *The Laws of The Constitution of Perak*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, t.t.

⁹ Article LXI, State of Selangor, *The Laws of The Constitution of Selangor 1959*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, t.t.

¹⁰ Article XLVII, State of Negeri Sembilan, *The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, t.t.

¹¹ Article XIV, State of Johor, Second Part, *The Laws of The Constitution of Johore*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, t.t.

¹² Lihat Perkara 181 (1) Perlembagaan Persekutuan.

¹³ Perkara 70 (1) Perlembagaan Persekutuan.

¹⁴ Seksyen 9 (1) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁵ Seksyen 9 (2) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁶ Lihat Article 58, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 56, The Laws of The Constitution of Kedah; Article XLII, The Constitution of The State of Kelantan; Article XXXVII, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article 29, The Constitution of The State of Pahang; Article XXXVIB, The Laws of The Constitution of Perak; Article LXXIII, The Laws of The Constitution of Selangor; Article LIX, The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article XXVI, The Laws of The Constitution of Johore.

¹⁷ Seksyen 11 (1) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan. Lihat juga Article 62 (1), The Laws of The Constitution of Perlis; Article 60 (1), The Laws of The Constitution of Kedah; Article XXXIX (1), First Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article XXXVI, First Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article 34 (1), Part II, The Constitution of The State of Pahang; Article XXXVIII, Part I, The Laws of The Constitution of Perak; Article LXXVIII (1), The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article LXIV (1), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article XXXI (1), Second Part, The Laws of The Constitution of Johore.

¹⁸ Lihat Article 63, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 61, The Laws of The Constitution of Kedah; Article XLI, First Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article XXXIX, First Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article 36, Part II, The Constitution of The State of Pahang; Article 26 (3A), The Constitution of The State of Penang; Article XLI, Part I, The Laws of The Constitution of Perak; Article LXXXI (1), The Laws of The Constitution of Selangor; Article LXV, The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article XXXII, Second Part, The Laws of The Constitution of Johore; Perkara 26 (3), Perlembagaan Negeri Melaka; Article 26 (2), The Constitution of The State of Sabah; Article 26 (2), The Constitution of The State of Sarawak; Seksyen 11 (1) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁹ Perkara 71 (1) Perlembagaan Persekutuan.

²⁰ Lihat Article, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article XI, XII, Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article 32, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 32, The Laws of The Constitution of Kedah.

²¹ Article X, Part II, The Laws of The Constitution of Perak.

²² Seksyen 19 (2) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan.

